

Pertingkatkan aktiviti rentas sempadan

BH - 29/10/2021 m/s: 7

Negara peserta diminta tetapkan strategi baharu, berani untuk pulih akibat pandemik

Kuala Lumpur: Negara anggota Kawasan Pertumbuhan Timur ASEAN Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina harus meneroka segala peluang untuk memulihkan kembali nilai rantaian rentas sempadan, kebanyakannya terputus sejak penutupan sempadan antarabangsa akibat pandemik COVID-19.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika berucap pada Sidang Kemuncak BIMP-EAGA Ke-14, semalam berkata, Malaysia sudah berusaha melaksanakannya kerana menganggap BIMP-EAGA sebagai platform penting bagi membolehkan pembangunan serantau yang lebih seimbang dan inklusif.

“Bagi mencerminkan komitmen ini, kerjasama sub serantau di bawah BIMP-EAGA diarusperdanakan serta diutamakan menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) 2021-2025 yang dilancarkan baru-baru ini,” katanya.

Sejajar dengan pelan berkenaan, Ismail Sabri berkata, kerjasama di bawah BIMP-EAGA akan menyasarkan peningkatan aktiviti rentas sempadan dan mengukuhkan nilai rangkaian.

Kerjasama ini akan turut memfokuskan pewujudan pekan dan bandar yang selesa, menaik taraf



Ismail Sabri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed pada Sidang Kemuncak BIMP-EAGA Ke-14, semalam.

(Foto Twitter Ismail Sabri Yaakob)

prasarana akses serta rangkaian dan meningkatkan kerjasama serta penyelarasan antara pemegang taruh.

Di bawah RMK12, Kerajaan Persekutuan Malaysia akan terus mempercepat pembangunan di Labuan, Sabah dan Sarawak.

“Pelbagai langkah akan terus diambil bagi menaik taraf prasarana akses dan ketersambungan dengan mempercepat pelaksanaan Projek Prasarana Utama di BIMP-EAGA.

“Ini termasuk Lebuhraya Pan Borneo, pekan di sempadan, kemudahan kastam, imigresen, kuarantin serta keselamatan,” katanya.

Dalam usaha BIMP-EAGA pemulihan selepas pandemik yang berdaya tahan dan mampan, Ismail Sabri menegaskan bahawa negara peserta mesti menetapkan strategi baharu dan berani, menerusi pendekatan menyelu-

ruh di negara masing-masing sambil mengekalkan kerjasama serantau.

Merujuk aspek pelancongan sebagai contoh, beliau berkata, dalam memulihkan industri yang teruk terjejas itu, negara anggota seharusnya meneroka kemungkinan menggunakan pendekatan standard yang membolehkan individu sudah divaksin bergerak bebas dan selamat di sempadan dengan tempoh kuarantin minimum atau berdepan proses kelulusan rumit.

“Sebagai permulaan, ini boleh dilaksanakan di lokasi perintis terpilih,” katanya.

Mengenai inisiatif hijau, Ismail Sabri berkata, Malaysia akan bekerjasama rapat dengan Bank Pembangunan Asia (ADB) dan Local Governments for Sustainability (ICLEI) dalam membangunkan Pelan Tindakan Bandar Hijau (GCAPs). BERNAMA